

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' SRI ABDUL MANAN BIN ISMAIL

SOALAN : NO. 10

Dato' Sri Abdul Manan Bin Ismail [Paya Besar] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan elemen yang membolehkan Universiti Malaya berjaya berada pada kedudukan 114 dalam senarai 300 universiti terbaik dunia di samping Universiti Putra Malaysia (229), Universiti Kebangsaan Malaysia (230), Universiti Teknologi Malaysia (253) dan Universiti Sains Malaysia (264).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli yang Bernomat, Universiti Malaya (UM) telah mencapai kedudukan 114 di dalam QS World University Rankings 2018 dan ini merupakan pencapaian terbaik universiti tempatan setakat ini. Kedudukan ini berjaya dicapai dengan adanya usaha transformasi yang telah bermula sejak tahun 2011 lagi melalui Pelan Strategik Universiti Malaya 2011-2015. Melalui pelan ini, UM telah mengukuhkan dan memperbetulkan asas kepada aktiviti penyelidikan, jalinan kerjasama peringkat nasional dan antarabangsa, pembaharuan dalam proses pengajaran dan pembelajaran, proses pengantarabangsaan, visibiliti dalam media dan banyak lagi.

Semenjak lapan tahun yang lalu, UM berusaha mempertingkatkan usaha penyelidikan termasuk mengubah budaya penyelidikan dan cara bekerja di kalangan staf akademik. Ini telah mempertingkatkan kapasiti UM dalam

menghasilkan *output* penyelidikan yang berimpak tinggi di samping menjadi universiti pilihan bagi universiti antarabangsa terkemuka dan rakan industri untuk menjalin hubungan kerjasama. Untuk tiga tahun yang lepas, UM telah memfailkan sebanyak 100 paten setahun dengan harapan paten ini akan dapat diterjemahkan menjadi produk yang dapat menjanakan pendapatan.

UM turut aktif dalam aktiviti pengantarabangsaan di mana setiap tahun sejak lima tahun yang lepas, seramai 1,500 hingga 2,000 pelajar telah terlibat dalam aktiviti *inbound* dan *outbound*. Dalam pada itu, UM turut memastikan kurikulumnya mempunyai elemen pengantarabangsaan yang termoden selaras dengan kurikulum universiti terkemuka khususnya yang berada dalam *ranking Top 100 in the World*. Proses pengantarabangsaan dan visibiliti dalam media massa digital membawa hasil khususnya dalam peningkatan markah UM dalam bahagian Reputasi Akademik (*Academic Reputation*) dan Reputasi Majikan (*Employer Reputation*).

Bagi menggalakkan kerjasama berterusan diantara universiti awam, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah memperkenalkan konsep kesepunyaan dan keserakanan (*commonalities and collegiality*) dimana konsep ini akan membawa kepada kerjasama dan perkongsian dikalangan IPT bagi memastikan kecemerlangan menyeluruh IPT.